

17 JUL 2001

DR MAHATHIR ADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN UMNO MELAKA

MELAKA, 17 Julai (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin Umno negeri di kediaman rasmi Ketua Menteri Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, di Seri Bendahara, Bukit Peringgit.

Sebelum itu Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang tiba di Seri Bendahara pada pukul 8.40 pagi, bersarapan dengan para pemimpin Umno di situ.

Dr Siti Hasmah pula mengadakan pertemuan dengan Badan Isteri-isteri Wakil Rakyat Melaka (Bestari) yang dipengerusikan isteri Ketua Menteri Datin Wira Asmah Abdul Rahman.

Dr Mahathir dan isteri kemudian diraikan pada satu majlis ringkas sempena ulangtahun kelahiran mereka di bilik tetamu kediaman Ketua Menteri.

Dr Mahathir lahir pada 10 Julai manakala Dr Siti Hasmah 12 Julai dan majlis itu turut meraikan genap 20 tahun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981.

Dari Seri Bendahara, Dr Mahathir kemudian berlepas ke majlis perasmian Kolej Perubatan Melaka-Manipal di Batu Hampar, Bukit Baru.

Perdana Menteri dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Melaka bermula semalam.

-- BERNAMA

SBS RON